

Sumbangan Ilmuwan Tasawwuf dalam Pemikiran Ash'ariyyah

AHMAD NAJAA' MOKHTAR

[najaa@usim.edu.my]

Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Abstrak

Tasawwuf adalah salah satu ilmu asas Islam yang sangat penting dalam pembentukan ciri peribadi seseorang. Hubungannya dengan ilmu-ilmu asas Islam lain seperti Aqidah dan Fiqh amat rapat dan tidak boleh dipisahkan. Ilmuwan Tasawwuf pula berperanan mendidik dan membimbang masyarakat Islam ke arah peningkatan kualiti amal dan mendekatkan diri kepada Allah serta membuat sifat madhmumah (takhalli) dan menyemai sifat mahmudah (tahalli). Selain itu, peranan utama ilmuwan Tasawwuf juga adalah mendorong masyarakat Islam supaya faham dan berpegang kepada Aqidah Ahli Sunah Waljamaah. Metodologi kertas kerja ini berbentuk kualitatif iaitu bersandarkan kajian perpustakaan dan kajian kes yang berkaitan dengan perbincangan. Hasil kajian ini boleh dirumuskan bahawa ilmuwan Tasawwuf memainkan peranan penting dalam perkembangan pemikiran Aqidah Ash'ariyyah khususnya. Perkara ini jelas dapat disaksikan dalam sumbangan ilmuwan Tasawwuf yang berterusan dari dulu hingga kini sama ada secara teori maupun praktikal.

Pendahuluan

Hadis Jibril(Hajjaj, 1334 H) yang masyhur menerangkan tentang asas-asas agama Islam iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Tiga serangkai ini merupakan tonggak ilmu Islam yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam disiplin ilmu masing-masing. Walaupun, disiplin ilmu itu berbeza antara satu sama lain tetapi ia tidak memberi maksud ilmu-ilmu tersebut terpisah malahan praktiknya adalah satu. Sebagai contoh, solat adalah perintah Allah yang terkandung dalam rukun Islam. Syarat mendirikannya perlu beriman kepada Allah iaitu rukun Iman. Manakala, nilai atau tuntutan solat seperti khusyuk pula disandarkan kepada Ihsan. Maka, ibadah solat adalah kombinasi Islam, Iman dan Ihsan. Setelah melalui fasa-fasa kematangan ilmu-ilmu tersebut, kini dikenali sebagai ilmu Fiqh, ilmu Aqidah dan ilmu Tasawwuf. Justeru, ulama Ahli Sunah Waljamaah meletakkan ilmu-ilmu tersebut sebagai ilmu Fardhu 'Ain yang wajib dipelajari oleh setiap muslim. Rasulullah SAW bersabda:

طلب العلم فريضة على كل مسلم

Menuntut ilmu adalah fardu (kewajipan) ke atas setiap muslim(Ibn Majah, 2010).

Menurut Imam al-Ghazali(2004), ilmu yang dimaksudkan dalam hadis tersebut ialah asas ilmu Fardu ‘Ain yang terdiri daripada ilmu Fiqh, ilmu Aqidah dan ilmu Tasawwuf. Kepentingan ilmu-ilmu tersebut dapat dilihat daripada penulisan sarjana Islam yang meraangkumkan ketiga-tiga disiplin ilmu tersebut dalam sebuah kitab. Contohnya, kitab Ihya ‘Ulum al-Din oleh Imam al-Ghazali (w.505H), Tanwir al-Qulub fi Mu’amalah ‘Allam al-Ghuyub oleh Shaykh Muhammad Amin al-Kurdi (w. 1322H). Kitab Siyar al-Salikin oleh Abdal-Samad Palembang (w. 1203 H).

Jelasnya,ketiga-tiga ilmu tersebut bukan terpisah pada dasarnya, perbezaan yang terbentuk hanya pada kefahaman dan perbincangannya sahaja. Oleh itu, apabila disebutkan ilmu Islam,ia sebenarnyaberpermaksudilmu Aqidah, ilmu Fiqh dan ilmu Tasawwuf.Justeru, dapat difahami bahawa Ahli Sunah Waljamaah tidak memisahkan disiplin ilmu-ilmu tersebut malahan dijadikan sebagai prinsip utama dalam membentuk manhaj (ajaran) mereka.

Oleh itu, jika dilihat pegangan ulama Ahli Sunah Waljamaah, mereka tidak akan keluar dari manhaj tersebut dan menghormati pandangan lainyang dikira perkara ijtihadselagi bukan perkara prinsip. Ulama Ahli Sunah Waljamaah kebanyakannya memahami manhaj tersebut,namun mereka juga terkenal dengan bidang-bidang tertentu seperti bidang aqidah kerana banyak perbahasananya dalam perkara yang berkaitan, begitu juga, ada yang mendalami ilmu Fiqh dan membicarakannya lalu dikenali sebagai faqih. Seterusnya pula,ahli sufi dikenali kerana banyak membincangkan tentang perkara yang berkaitan dengan ilmu Tasawwuf. Kemahiran dalam bidang masing-masing bukan bermakna mereka tidak mahir dalam bidang lain tetapi mereka hanya memberikan sumbangan yang banyak dalam bidang tersebut. Sebagai contoh, Imam Junayd al-Baghdadi (w. 297 H) seorang yang terkenal dengan kesufianya yang juga merupakan faqih dan ahliAqidah yang terhebat di zamannya(Al-Dhahabi, 1985).

Oleh demikian, tajuk kerja kerja ini, sumbangan ilmuan Tasawwuf dalam pemikiran Ash’ariyyah memberi maksud khusus iaitu sumbangan Tasawwuf terhadap Aqidah Ahli Sunah Waljamaah dalam kerangka pemikiran Ash’ariyyah. Kertas kerja ini akan membincangkan sumbangan salaf soleh terhadap pemikiran Ahli Sunah Waljamaah, sumbangan ahli Tasawwuf dalam pemikiran Ash’ariyyah dan sumbangan Ahli Tasawwuf yang amat berharga iaitu sama ada ia berbentuk teori dan penjelasan atau berbentuk praktikal yang diaplikasikan dalam masyarakat bagi tujuan pemulihan Aqidah.

Sumbangan Salaf Soleh Terhadap Pemikiran Ahli Sunah Waljamaah

Kemunculan ilmu-ilmu Islam dalam disiplin masing-masing adalah pada kurun kedua hingga keempat Hijrah. Imam Hasan al-Basri (w. 110 H) merupakan tabi'in yang tersohor dengan sifat zuhudnya yang tinggi dan amat menonjol dengan prinsip aqidahnya yang mantap. Antara sumbangannya terhadap aqidah ahli Sunah Waljamaah ialah prinsipnya terhadap isu fasiq (pelaku dosa besar) yang didakwa oleh Wasil bin ‘Ata’(pencetus aliran Mu’tazilah) sebagai bukan seorang mukmin ataupun kafir. Beliau menegaskan bahawa orang fasiq bukan kafir dan tidak kekal dalam neraka(Al-Dhahabi, 1985). Inilah prinsip

yang utama yang dijadikan asas kepada manhaj Ahli Sunah Waljamaah. *Tajdīd* dalam agama ialah usaha menghidupkan, membangkitkan, mengulang semua kefahaman generasi awal.

Sementara, Imam Abu Hanifah (w. 150 H) yang terkenal dengan kefaqihannya dalam ilmu Fiqh hingga tercipta mazhab yang dikenali dengan mazhab Hanafi merupakan juga seorang Sufi. Beliau pernah menegaskan:

لَا السُّنْنَةُ حَلْكُ النَّعْمَانَ

Jika bukanlah dua sunnah nescaya Nu'man (Abu Hanifah) akan binasa.

Menurut al-Alusi(1997), dua sunnah yang dimaksudkan oleh Imam Abu Hanifah tersebut ialah sentiasa berdamping (mempelajari ilmu Tasawwuf) dan mengambil pelbagai ilmu daripada gurunya iaitu Imam Ja'far al-Sadiq. Kenyataan ini bermaksud bahawa beliau juga merupakan ahli Sufi yang sejati mengikut sungguh-sungguh ajaran gurunya. Sementara itu, beliau juga adalah ahli aqidah yang benar-benar faham tentang akidah dan isu-isunya, lalu beliau mengarang sebuah kitab aqidah yang terulung iaitu kitab al-Fiqh al-Akbar. Kitab tersebut merupakan sumbangan yang besar dalam perjuangan ulama salaf soleh terhadap pemikiran Ahli Sunah Waljamaah. Begitulah juga sikap dan keadaan Imam Malik, Imam Shafi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal yang banyak menyumbang terhadap pemikiran Ahli Sunah Waljamaah.

Imam al-Muhasibi (w. 243 H) pula merupakan tokoh terulung dalam penulisan ilmu Tasawwuf. Beliau juga banyak menyumbang kepada perkembangan ilmu akidah Ahli Sunah Waljamaah khususnya boleh dilihat menerusi karangannya Fahm al-Qur'an. Al-Khatib menegaskan bahawa Imam al-Muhasibi banyak mengarang kitab berkaitan dengan zuhud, prinsip-prinsip keagamaan dan menolak fahaman Mu'tazilah dan Rafidah(Al-Dhahabi, 1985).

Ringkasnya, ulama salaf saleh terhimpun pada mereka segala ilmu dan amal seperti hal keadaannya di zaman Rasulullah SAW dan para sahabat RA. Oleh sebab itu, umat Islam tidak dapat menyaksikan di zaman tersebut perbincangan secara khusus tentang Aqidah melainkan sedikit sahaja. Namun begitu, pada akhir kurun ketiga Hijrah, maka muncullah tokoh-hebat seperti Abu Mansur al-Maturidi (w. 333 H) dan Abu Al-Hasan al-Ash'ari(w. 324 H) yang berusaha dengan gigih dan cekal menolak segala tohaman dan menyelesaikan permasahan Aqidah dalam bentuk yang tersusun dan rapi yang dikenali sebagai manhaj Ahli Sunah Waljamaah seperti yang dihidangkan kepada umat Islam pada hari ini. Semoga Allah SWT merahmati dan memberkati mereka dan pendokong Ahli Sunah Waljamaah sepanjang zaman atas sumbangan yang tidak ternilai harganya.

Sumbangan Ahli Tasawwuf Dalam Pemikiran Ash'ariyyah

Dengan munculnya manhaj Ahli Sunah Waljamaah yang mantap seperti yang disebutkan di atas, maka para ulama menjadikan manhaj tersebut sebagai rujukan utama dalam meletakkan disiplin ilmu seperti Fiqh, Tasawwuf, Balaghah, Tafsir dan sebagainya. Dalam konteks ilmu Tasawwuf, ahli Tasawwuf bergiat membincang dan menjelaskan prinsip ilmu Tasawwuf yang selari dengan manhaj Ahli Sunah Waljamaah. Sepanjang zaman, dulu hingga kini, ahli Tasawwuf terus menjadi penyumbang tegar kepada pemikiran Ash'ariyyah. Perkara ini adalah disebabkan oleh para salaf soleh mendidik pewaris mereka

agar berpegang teguh dengan manhaj Rasulullah SAW dan para sahabat RA iaitu selari dengan manhaj Ahli Sunah Waljamaah. Tokoh-tokoh Sufi yang diketengahkan di sini, antaranya ialah Imam Qushayri, Imam Ghazali, Imam Sha'rani, Shaykh Ibn A'rabī, Shaykh Abdul Halim Mahmud, Shaykh al-Zabidi, Imam al-Haytami, Shaykh Muhammad Amin al-Kurdi, Shaykh al-Azhar Ahmad Tayyib.

I. Imam Al-Qushayri(w. 465 H)

Abu al-Qasim Abdul Karim bin Hawzan bin Abdul Malik bin Talhah merupakan seorang tokoh sufi yang terkenal di zamannya. Beliau berdamping dan mendalamai ilmu Tasawwuf dengan guru murshidnya, Abu Ali al-Daqqāq (w. 405 H) yang juga bapa mertua beliau. Beliau mempelajari ilmu Fiqh dengan Abu Bakr al-Tusī dan mendalamai ilmu Aqidah dengan Ibn Furak.

Imam al-Qushayri banyak bergiat dalam pelbagai bidang ilmu dan menghasilkan karya-karya penting sebagai rujukan. Antaranya, Al-Risalah al-Qushayriyyah, Lataif al-Isharat, Al-Tafsir Al-Kabir, Al-Tahbir fi al-Tadhkir, Adab al-Sufiyyah, Shikayah Ahl Sunnah, Kitab al-Munajah, Kitab Nahw al-Qulub dan lain-lain lagi. Al-Risalah al-Qushayriyyah dianggap kitab yang paling popular dalam kalangan para ilmuan Tasawwuf secara khusus kerana kandungannya membincangkan perkara yang berkaitan dengan ilmu Tasawwuf. Namun begitu, dalam kitab tersebut menjulang aqidah Ahli Sunah Waljamaah dan menyebutkan kepentingan berpegang kepada manhaj Ahli Sunah Waljamaah. Bukan setakat itu, beliau menegaskan bahawa manhaj Ahli Sunah Waljamaah juga berpegang teguh dengan syariat Islam yang murni.

Hubungan ilmuan Tasawwuf dengan aqidah Ahli Sunah Waljamaah amat rapat. Perkara ini jelas dilihat dalam karangannya Al-Risalah al-Qushayriyyah pada bab pertama iaitu Bab Tokoh-tokoh Sufi Dan Ilmu Tawhid. Dalam hal ini beliau memetik kata Imam al-Junayd RA:

فصل: في بيان اعتقاد هذه الطائفة في مسائل الأصول... ولذلك قال سيد هذه الطريقة
الجنيد رحمه الله: التوحيد إفراد القدم من الحدث

Perkara Yang Menerangkan Tentang Pegangan Golongan Ini (Ahli Sufi) Pada Masalah Prinsip-Prinsip Aqidah... Justeru, pelopor golongan ini (ahli Sufi), Imam al-Junayd RA menegaskan: Tawhid ialah mengesakan Yang Sedia (Allah) dari yang baharu (makhluk) (Al-Qushayri, 1989)

Prinsip tersebut adalah selari dengan aqidah Ahli Sunah Waljamaah yang membincangkan sifat-sifat Allah, wajib, mustahil dan harus, menetapkan sifat kesempurnaan bagi Allah SWT dan menafikan segala sifat yang berlawanan dengannya seperti tiada tempat, arah dan bentuk. Oleh demikian, jelas bahawa Imam al-Qushayri merupakan seorang sufi dan juga pendokong manhaj Ahli Sunah Waljamaah.

II. Imam Al-Ghazali (w.505 H)

Antara tokoh tersohor dalam ilmu Tasawwuf pada kurun ke 6 ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. Beliau digelar sebagai Hujjatul Islam (benteng Islam) kerana menguasai pelbagai bidang ilmu. Beliau mahir dalam Aqidah, Falsafah, Mantiq, Fiqh, Hadith dan Tasawwuf. Beliau mendampingi Imam Haramayn al-Juwayni (w. 478 H) mendalami pelbagai ilmu antaranya ilmu Kalam (aqidah), Fiqh dan lain-lain. Kecerdasan beliau yang luar biasa hingga gurunya menggelarkannya sebagai "lautan yang luas' (Al-Subki, 1413).

Imam Al-Ghazali bergiat secara serius dalam ilmu Tasawwuf diakhir usianya dengan bimbingan gurunya Shaykh Yusuf Nassaj di Damsyiq. Beliau menegaskan hal tersebut dalam karangan riwayat hidupnya, al-Munqidh min al-Dalal bahawa beliau sering menolak segala perkara yang berkait dengan ahli Sufi pada awal-awalnya, setelah bertemu dengan gurunya tersebut, beliau banyak memperolehi nikmat dan rahmat Allah SWT (Mahmud, 2003). Beliau juga menegaskan bahawa murid perlu kepada guru untuk diteladani dan dibimbing menyusuri jalan hidayah (Al-Ghazali, 2004).

Sumbangan beliau terhadap ilmu Aqidah terlalu banyak. Ianya boleh dilihat melalui karangan beliau terhadap Aqidah Ash'ariyyah, antaranya, al-Iqtisad fi al-I'tiqad, Tahafut al-Falasifah, Iljam al-'Awam, Ihya' Ulum al-Din, al-Arba'in fi Usul al-Din, Bughyah al-Murid fi Mas'alah al-Tawhid, Fada'ihih al-Batiniiyyah, al-Ma'arif al-'Aqliyyah wa Lubab al-Hikmah al-Ilahiyyah, Faysal al-Tafriqah bayna al-Islam wa al-Zindiqah dan lain-lain.

III. Shaykh Abdul Qadir Al-Jilani (w. 561 H)

Abdul Qadir bin Musa bin Abdulah al-Jilani adalah pengasas tarekat Qadiriyyah. Beliau menerima ilmu Hadis dengan Shaykh Muhammad bin al-Hasan al-Baqilani, mempelajari ilmu Fiqh al-Hanbali dengan Abu al-Wafa 'Ali bin 'Aqil dan mendalami ilmu Tasawwuf dengan Shaykh Hammad bin Muslim al-Dabbas.

Karangan beliau dalam ilmu Tasawwuf banyak, antaranya, Ighathah al-'Arifin, Sirr al-Asrar, Adab al-Suluk w al-Tawassul ila Manazil al-Suluk, Tuhfah al-Muttaqin wa Sabil al-'Arifin, Jala' al-Khatir, al-Gunyah, al-Fath al-Rabbani wa al-Fayd al-Rabbani dan lain-lain.

Selain daripada itu, beliau juga banyak menyumbang kepada manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah. Antara karangan beliau yang menjuruskan kepada Aqidah Ahli Sunah Wal Jamaah, Futuh al-Ghayb, al-Mukhtasar fi 'Ilm al-Din, al-hujjah al-Bayda' dan lain-lain.

IV. Shaykh Ibn 'Arabi (w. 638 H)

Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Arabi al-Ta'ial-Andalusi digelar sebagai Muhy al-Din, Shaykh al-Akbar dan Ibn Aflatun. Beliau mendapat pendidikan awal dengan bapanya yang merupakan ahli Fiqh, ahli Hadis dan mahir dalam ilmu-ilmu lain. Beliau juga menuntut ilmu dengan ramai ilmu dan mahir dalam pelbagai bidang terutamanya bidang Aqidah, Tasawwuf dan juga Fiqh.

Tidak dapat dinafikan bahawa Ibn Arabi adalah di antara penyumbang-penyumbang kepada perkembangan ilmu Aqidah Ahli Sunah Waljamaah sepanjang zaman. Perkara tersebut jelas ditonjolkan dalam karangannya,Futuhat al-Makkiyyah yang terdapat di dalamnya dua risalah berkaitan dengan Aqidah iaitu Risalah al-Ma'lum min 'Aqa'id Ahl al-Marsum yang membincangkan permasalahan Aqidah ditingkat ahlinya bukan untuk awam,danRisalah al-Ma'rifah yang membahaskan tentang perkara metafizik yang juga untuk ahlinya.

Sementara, kitab beliau yang terakhir dianggap sebagai pegangan mazhabnya dalam Aqidah dan Tasawwuf iaitu kitab Fusus al-Hikam. Sebagai contoh, beliau menegaskan konsep sifat QidamAllah SWT dengan kerangka manhaj Ash'ariyyah dengan kenyataan bahawa Allah SWT bersifat Azali dan Qidam (sedia) iaitu menafikan segala permulaan yang lain yang bermula daripada tiada. Oleh itu, Allah SWT tidak sesuai dinisbahkan kepada Nya permulaan kerana Dia lah Yang Awal, oleh kerana itu, sebahagian ahli ilmu mengatakan bahawa Dia lah Yang Akhir kerana akhirnya makhluk akan rujuk dan tunduk kepada Nya(Arabi, 1946).

فهذا صح له الأزلوالقدم الذي انتفت عنه الأولية التي لها افتتاح الوجود عن عدم. فلا تنسب إليه الأولية
مع كونه الأول، وهذا قيل فيه الآخر... وإنما كان آخر لرجوع الأمر كله إليه.....

V. Shaykh Ibn 'Ata'illah(w. 709 H)

Ahmad bin Muhammad bin Abdul Karim bin 'Ata'illah seorang Sufi yang berguru dengan Shaykh Tarekat Shadhiliyyah Abu 'Abbas al-Mursi.Beliau menulis manaqib(riwayat hidup) gurunya dan dan Shaykh Abu al-Hasan al-Shadhali. Walaupun beliau seorang Sufi, para ulama telah menyaksikan ketegasan beliau dalam mempertahankan manhaj Ash'ariyyah pada zamannya terutamanya ketika berdebat dengan Ibn Taymiyyah (w. 728 H)(Al-Asqalani, 1972).

Kisah perdebatan beliau secara terperinci disebut dalam kitab yang bejudul Ibn Taymiyyah al-Faqih al-Mu'adhdhab oleh Abdul Rahman al-Sharqawi, 1990, Cairo: Dar al-Shuruq, hal. 201-210.

Al-Dhahabi (1985)memuji dengan menyatakan beliau merupakan salah seorang ulama al-Azhar yang menutur kata-kata kejiwaan yang dihiasi dengan kata-kata para salaf soleh, mahir dalam pelbagai bidang ilmu, mempunyai pecinta yang ramai dan memiliki sifat orang soleh.

Karangan beliau yang masyhur ialah al-Hikam al-'Ata'illah , Taj al-'Arus, al-Tanwir fi Isqat al-Tadbir danLata'if al-Minan dan lain-lain.

VI. Shaykh Ahmad Zarruq (w. 899 H)

Abu al-'Abbas Ahmad bin Ahmad bin Muhammad al-Fasi merupakan tokoh Sufi yang terkenal dengan manhaj Ahli Sunah Waljamaah yang menolak segala bid'ah. Rehlah ilmu beliau bermula di Universiti Qurawiyyin dan pernah mengajar di Universiti al-Azhar al-Sharif.Guru Tasawwuf beliau ialah Shaykh Muhammad Zaituni yang juga mahir dalam pelbagai bidang ilmu(binSu'ad, 2018).

Shaykh Ahmad Zarruq pernah menegaskan hubungan antara ilmu Aqidah, ilmu Fiqh dan ilmu Tasawwuf yang amat rapat yang tidak boleh dipisahkan dengan katanya:

لَا تتصوّف إِلَّا بِفَقْهِ، إِذْ لَا تعرِفُ أَحْكَامَ اللَّهِ الظَّاهِرَةَ إِلَّا مِنْهُ وَلَا فَقْهَ إِلَّا بِتَصْوِيفٍ إِذْ لَا
عَمَلٌ إِلَّا بِصَدْقٍ وَتَوْجِهٍ لِلَّهِ تَعَالَى، وَلَا هُمَا (التَّصْوِيفُ وَالْفَقْهُ) إِلَّا بِالْإِيمَانِ، إِذْ لَا يَصْحُ وَاحِدٌ
مِنْهُمَا دُونَهُ

Tiada Tasawwuf melainkan dengan Fiqh kerana anda tidak akan tahu hukum hakam Allah SWT melainkan dengan mempelajarinya. Begitu juga, tiada Fiqh melainkan dengan Tasawwuf kerana tiada amalan melainkan dengan ketulusan dan keikhlasan terhadap Allah SWT. Seterusnya, tiada kedua-duanya (Tasawwuf dan Fiqh) melainkan dengan Iman (Aqidah) kerana tidak sah mana-mana amalan dari kedua-duanya tanpanya (Darniqah, 2009).

Karangan beliau banyak, antaranya, Hizb al-Barakat, Sharh Dala'il al-Khayrat, Diwan Shi'r, Qawa'id al-Tasawwuf, al-Nusuh al-Anfa' wa al-Jannah li al-Mu'tasim min al-Bida' bi al-Sunnah, Sharh al-'Aqidah al-Qudsiyyah dan lain-lain.

VII. Shaykh Abdul Wahhab Al-Sha'rani (w. 973 H)

Abu al-Mawahib Abdul Wahhab Ahmad bin Ali al-Sha'rani berketurunan Saidina Ali bin Abi Talib RA adalah ahli Sufi yang handal, pendokong kuat manhaj Ash'ariyyah. Beliau menguasai pebagai ilmu seperti Fiqh, Hadis, Aqidah Ash'ariyyah, Tasawwuf dan lain-lain. Antara guru-gurunya yang terkenal, Shaykh 'Ali Khawwas, al-Hafidh Jalal al-Din al-Suyuti, al-Muhaddith Amin al-Din, Nur al-Din al-Mahalli, al-Hafidh Abu al-'Abbas Ahmad al-Qastalani dan lain-lain.

Pandangan beliau terhadap Ahli Sunah Waljamaah amat jelas pada semua karangannya. Sebagai contoh, beliau membahaskan Ayat Mutashabihat dalam kerangka Manhaj Ash'ariyyah:

إِنَّ أَهْلَ اللَّهِ تَعَالَى قَاطِبَةً أَجْمَعُوا عَلَى أَنَّهُ يَحْبُّ الإِيمَانَ بِآيَاتِ الصَّفَاتِ وَأَخْبَارِهَا عَلَى حَدِّ مَا
يَعْلَمُهُ اللَّهُ تَعَالَى

Sesungguhnya ahli Allah SWT (ahli Sufi) seluruhnya bersepakat bahawa sesungguhnya wajib beriman dengan ayat-ayat sifat (Ayat Mutashabihat) dan penjelasannya seperti yang diketahui oleh Allah SWT.

اللَّهُمَّ إِلَّا أَنْ يَؤُولُ أَحَدُهُمْ شَيْئًا مِنْهَا بِمَصْرُوفٍ شَرِعيٍّ لِمَنْ رَأَى عِنْدَهُ ضَعْفٌ إِيمَانٌ، فَمُثْلِّ
ذَلِكَ لَا حَرجٌ عَلَيْهِ فِي التَّأْوِيلِ بَلْ قَدْ يَجِبُ

Ya Allah, melainkan mereka ta'wil maknanya dengan tasrif (pendekatan) yang disyariatkan oleh sebab sesetengah dari kalangan mereka yang lemah Iman. Perkara seumpama itu tidak salah untuk ta'wil maknanya bahkan wajib(Balhaj, 2018).

Hasil karangan beliau amat banyak, antaranya, al-Anwar al-Qudsiyyah, al-Qawaaid al-Kashfiyyah al-Muwaddahah li Ma'ani al-Sifat al-Ilahiyyah, Lataif al-Minan, Mukhtasar al-'Itiqad li al-Bayhaqi, al-Tabaqat al-Kubra dan lain-lain.

VIII. Shaykh Abdul Halim Mahmud (w. 1398 H)

Abdul Halim bin Mahmud datang dari keluarga yang terkenal dengan ahli Taqwa dan soleh. Beliau pernah menjawat jawatan pengarah Majma' al-Buhuth al-Islami, menteri Awqaf dan terakhir sebagai Shaykh al-Azhar. Pada awal pendidikan, beliau belajar di al-Azhar hingga selesai sarjana kemudian menyambung pengajian diperingkat PhD dalam bidang Tasawwuf di Universiti Sorbonne, Perancis.

Shaykh Abdul Halim Mahmud menyumbang banyak karya terutamanya dalam bidang Tasawwuf. Antaranya, Ustadh al-Sa'irin al-Harith al-Muhasibi, al-Isra' wa al-Mi'raj, al-Islam wa al-'Aql, al-Ri'ayah li Huquq Allah, al-Munqidh min al-Dalal, Maqalat fi al-Islam wa al-Shuyu'iyyah, al-Islam wa al-Iman, al-Tafkir al-Falsafi fi al-Islam dan lain-lain.

Karangan tersebut sudah menggambarkan bahawa beliau merupakan seorang Sufi, pejuang Islam serta pendokong kuat terhadap pemikiran Ash'ariyyah. Oleh sebab itu, beliau digelar sebagai Imam al-Ghazali Mesir dan Abu Mutasawwifin (bapa ahli Sufi) (al-Misriyyah, 2018).

Sumbangan Ahli Tasawwuf Yang Amat Berharga

Diambil akhir zaman ini, isu akidah dan akhlak amat mencabar hingga seolah-olah masyarakat tidak hiraukan nilai agama, apa yang penting ialah kehidupan yang seronok dan selesa. Maksudnya, gaya kehidupan hari ini terbina dengan nilai fizikal dan material. Hawa nafsu pula bermaharajalela. Oleh itu, peranan ilmu dan praktikal Fardu 'Ain perlu dilakukan segera bagi menyelesaikan masalah tersebut yang kian meruncing.

Pada sudut sumbangan Tasawwuf terhadap perkara ini, ahli Tasawwuf khususnya di Malaysia bergerak seiring dengan keperluan tersebut. Salah faham terhadap Tasawwuf dan ajaran sesat yang timbul menyebabkan golongan Tasawwuf terus menyalurkan maklumat yang betul dan membantu pihak berkuasa dalam menangani masalah tersebut. Begitu juga, golongan Tasawwuf sering menghulurkan tangan dalam menyelesaikan masalah sosial.

I. Salah Faham Terhadap Tasawwuf

Seringkali ilmu Tasawwuf disalah erti oleh masyarakat dan dikaitkan dengan ilmu yang salah dan menyeleweng. Shaykh Sha'rani (Al-Yawaqit wa al-Jawahir fi Bayan al-'Aq'id al-Akabir, t.t) menegaskan bahawa ilmu Tasawwuf tidak terjebak dengan fahaman hulul dan ittihad seperti yang didakwa oleh sebahagian masyarakat Islam yang diambil dari golongan ateis yang tiada asas kesahihannya. Al-Junayd menegaskan bahawa ilmu Tasawwuf berasas kepada Al-Quran dan Sunnah (Al-Qushayri, 1989). Bagaimana tuduhan tersebut boleh dipercayai oleh sesetengah masyarakat Islam. Hal ini, tidak lain dan tidak bukan adalah berpunca dari kejihilan dan sikap tidak cermat dalam meletakkan hukum.

Mengenai ayat-ayat mutashabihat ulama Tasawuf berpegang kepada akidah ASWJ iaitu tidak menggunakan pengertian makna zahir perkataan atau makna hakiki, tetapi menerima ayat mutashabihat tersebut dengan makna yang Allah kehendaki yang Allah sendiri tahu; atau ditakwilkan dengan takwilan yang sesuai dengan sifat-sifat Allah dan tidak ditentukan dengan hanya satu takwilan sahaja.

Lebih jauh lagi Tasawuf mengajarkan pengamalnya supaya membersihkan diri zahir dan batin dari unsur syirik jali dan khafi. Kedua-dua syirik ini dianggap oleh golongan sufiyyah sebagai sama sahaja dan mesti di jauhkan.

Menurut sufiyyah, syirik jali disebabkan waham pada akal, maka waham tersebut boleh dihapuskan dengan ilmu Tawhid yang benar. Sebab itu para salik diwajibkan menuntut ilmu Tawhid selain dari ilmu Fiqh dan Tasawuf. Syirik khafi pula disebabkan waham di dalam hati atau roh. Ianya hanya akan hilang Allah limpahkan nural-wisal kedalam hati. Ibn 'Ata'illah menyebutkan:

ليخرجك من سجن وجودك إلى فضاء شهود

Allah melimpahkan (dalam hati) anda nur warid al-wisal supaya mengeluarkan diri anda dari penjara wujud diri anda sendiri, ke luasnya medan musyahadah pandangan mata hati(Ibn 'Ajibah, 1985).

Untuk menajamkan lagi kefahaman dan kesedaran para salik mengenai syirikkhafi, maka ditekankan secara bersunggh-sungguh larangan pergantungan hati kepada yang lain dari Allah, seperti bergantung kepada makhluk atau amal atau merasa ada amal(Sidek, 2014).

Konsep Yaqazah biasanya diertikan dan dimaksudkan melihat Rasulullah s.a.w. dalam keadaan jaga atau di dalam mimpi. Menurut Imam Sayuti dalam kitabnya Tanwirul Halaq fi Jawazi Ru'ya al-Nabi wa al-Malak, berlakunya pada orang-orang yang layak adalah harus, yang menjadi masalah ialah berbagai dakwaan yang bohong. Golongan sufiyyah tidak terlibat dengan dakwaan yang bohong tersebut. Pengakuan setengah Sufi, bahawa mereka pernah dikurniakan oleh Allah melihat nabi mempunyai maksud atau motif sebagai iktibar bukan untuk kebanggaan(Sidek, 2014). Hal ini di Malaysia, dikaitkan dengan ajaran jemaah Darul Arqam yang telah mendakwa Rasulullah SAW dan para walihadir dalam majlis yaqazah mereka. Jadi, masyarakat perlu tahu hakikat sebenar konsep yaqazahseperti yang dinyatakan di atas.

II. Ajaran Sesat

Pada tahun 2013, saki baki pengikut jemaah Al-Arqam seramai 95 orang telah ditangkap di Arab Saudileh Jabatan Imigresen Mekah dengan kerjasama Unit Risikan dan Pencegahan Jenayah semasa sedang menjalankan upacara keagamaan di situ.Rakyat Malaysia lain yang ditahan ialah pengikutnya yang merupakan kakitangan syarikat Global Ikhwan Sdn. Bhd. (GISB) Al-Arqam merupakan gerakan agama di Malaysia yang diasaskan oleh Ashaari Muhammad.Ajaran tersebut sebelum ini tersebar dalam kalangan masyarakat Islam yang menganggapnya sebagai sebuah badan dakwah yang unggul sebelum ia difatwakan sesat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1994.(Malaysia, 2013).

Setelah tahanan ajaran salah tersebut di bawa pulang ke Malaysia, Mahkamah Rendah Syariah Gombak membuat keputusan agar mereka menjalani program pemulihan khas secara sukarela selama 500 jam di Pusat Pemantapan Akidah Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (Jakim). Dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor, sebanyak 50 modul pemulihan disusun bagi mengembalikan ahli kumpulan GISB ke pangkal jalan.

Program ini melibatkan beberapa fasilitator, antaranya Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek yang merupakan Ahli Jilsah Turuq Sufiyyah, Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Beliau memainkan peranan ahli Tasawwuf sebagai pembentang beberapa kertas kerja yang berkaitan dengan permasalahan Aqidah dan Tasawwuf. Penulis tidak terlibat secara langsung dengan program tersebut tetapi mengikuti beberapa slot modul yang dikemukakan, namun terdengar rungutan ahli GISB yang tidak berpuas hati dengan program tersebut dan ingin mengetahui kesalahan mereka yang bercanggah dengan Islam.

Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek menyedari hal tersebut lalu berbincang dengan dua orang wakil daripada mereka tentang perkara yang dipercayai benar pada hemat mereka. Kebetulan jawapan yang mereka inginkan itu telah dijawab oleh Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek dalam sebuah artikel dalam majalah Al-Islam. Setelah penulis sendiri yang baca artikel tersebut kepada mereka, Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek menghuraikan perkara asas Aqidah yang mereka tidak sedari berlaku dalam kalangan mereka. Akhirnya, mereka akur dengan penjelasan tersebut dan menuturkan ingin bertaubat.

Kesimpulannya, program taubat secara beramai-ramai perlu diteliti semula kerana keberkesanannya melalui penjelasan, kefahaman dan bimbingan bagi setiap individu lebih berkesan berbanding dengan pemulihan dan taubat beramai-ramai.

Perkara yang hampir sama juga berlaku kepada pemulihan dan taubat Hj. Abdul Kahar Ahmad yang satu ketika dahulu ditahan kerana menyebarkan ajaran sesat iaitu mengaku dirinya sebagai rasul Melayu. Pendekatan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah dengan menggunakan Modul Istitabah yang dibangunkan oleh pasukan Kaunseling, Rawatan Spiritual Islam, Pemulihan Aqidah dan Pengukuran Tahap Aqidah. Dalam Rawatan Spiritual Islam, sekali lagi Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek diberi kepercayaan oleh pihak MAIS untuk menjalankan proses pemulihan dan taubat tersebut. Secara keseluruhan, program pemulihan dan taubat tersebut berjaya dilaksanakan dengan hasilnya yang positif yang dinilai dengan keseluruhan keputusan daripada semua ahli yang terlibat dengan pemulihan dan taubat tersebut. Akhirnya, pihak MAIS telah berjaya memulihkan Hj. Abdul Kahar Ahmad dari terbelenggu permasalahan Aqidah yang hebat.

III. Masalah Sosial

Gejala LGBT (lesbian, gay, biseksual dan transgender) kian menjadi-jadi di Malaysia. Banyak pihak yang turut membantu golongan yang telah terjebak ini. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), sebagai badan yang merasakan tanggungjawab perlu dipikul bersama telah melaksanakan langkah-langkah bagi membantu golongan tersebut.

Dengan kerjasama pelbagai pihak, MAIS khususnya di Bahagian Pembangunan Sosial telah banyak mengadakan program membantu golongan LGBT bagi tujuan kesedaran dan yang ingin kembali ke pangkal jalan. Menurut sumber Bahagian Pembangunan Sosial MAIS, selain program rutin mengajak golongan tersebut insaf dan sedar, mereka juga menggunakan Modul Istitabah yang dibangunkan oleh MAIS seperti yang disebutkan di atas bagi melaksanakan proses pemulihan dan taubat secara tersusun dengan bimbingan fasilitator yang mahir.

Hasilnya, golongan LGBT merasakan dihargai dan selesa dengan kehadiran pihak MAIS membantu dan mendengar luahan isi mereka. Golongan tersebut diberi peluang untuk mengikuti kelas mengaji Al-Quran dan kelas bimbingan yang lain tanpa paksaan dan

rata-ratanya mereka dapat menerima dengan hati terbuka. Pendekatan tersebut secara langsung mengubah persepsi golongan LBGT terhadap pihak MAIS yang sebelum ini dianggap seperti anak tiri yang tidak mendapat perhatian.

Kesimpulan

Fakta-fakta di atas dapat disimpulkan bahawa ilmuan Tasawwuf tidak ketinggalan dalam menyumbang perkembangan pemikiran Ash'ariyyah sama ada dalam bentuk teori maupun amali. Jika diteliti, sebenarnya para salaf soleh telah banyak menyumbang kepada kerangka Aqidah Ahli Sunah Waljamaah. Namun disiplin ilmu Aqidah Ahli Sunah Waljamaah benar-benar tercipta apabila lahir Abu al-Hasan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi yang meletakkan manhaj tersebut dengan susunan yang rapi.

Pengamalan ilmu Tasawwuf yang tidak dipisahkan dengan ilmu Aqidah menguatkan lagi hubungan kedua-dua ilmu tersebut malahan Aqidah Ahli Sunah Waljamaah sentiasa menjadi rujukan utama dalam kerangka ilmu Tasawwuf. Oleh itu, didapati sepanjang zaman, ahli Tasawwuf terus mempertahankan dan memperjuangkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah.

Dari sudut praktikalnya di Malaysia, ahli Tasawwuf sering terkehadapan memberi bantuan yang diperlukan oleh sesetengah masyarakat Islam yang tersasar dari ajaran Aqidah Islam yang sebenar. Kerjasama pihak institusi keagamaan dengan golongan Tasawwuf perlu diteruskan dan dikembangkan teknik dan kaedah yang bersesuaian dengan masyarakat supaya mereka tidak menjauhkan diri dari hidayah Allah SWT dan berpegang teguh kepada Aqidah Ahli Sunah Waljamaah.

Rujukan

- Al-Alusi, S. A. (1997). *Sabb al-'Azab 'Ala Man Sabb al-Ashab*. Riyad: Adwa' al-Salaf.
- Al-Asqalani, I. H. (1972). *Al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Mi'ah al-Thaminah*. Saydar Abad, India: Majlis Da'irah al-Ma'rifah al-'Uthmaniyyah.
- Al-Dhahabi, M. A. (1985). *Siyar A'lam Al-Nubala'*. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Al-Ghazali, M. M. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din* (Vol. 1). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Misriyyah, D. a.-I. (2018, October 22). *Al-Imam 'Abdul Halim Mahmud*. Retrieved from Dar al-Ifta' al-Misriyyah: <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewScientist.aspx?ID=69>
- Al-Qushayri, A. K. (1989). *Al-Risalah al-Qushayriyyah*. Cairo: Muassah Dar al-Sha'b.
- al-Sha'rani, A. W. (t.t). *Al-Yawaqit wa al-Jawahir fi Bayan al-'Aq'id al-Akabir* (Vol. 1). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Al-Subki, A. W.-D. (1413). *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra* (Vol. 6). Cairo: Hajar li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Arabi, I. (1946). *Fusus al-Hikam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Balhaj, A. (2018, October 21). عبد الوهاب الشعراوي [!] المتوفى سنة ٩٧٣ هـ. Retrieved from Markaz Abi al-Hasan Al-Ash'ari: <http://www.achaari.ma/Article.aspx?C=5725>
- binSu'ad, K. (2018, October 21). محتسب العلماء والأولياء الشيخ أحمد زروق البرنسى (٨٤٦ - ١٤٩٩ هـ). Retrieved from Markaz al-Imam al-Junayd: <http://www.aljounaid.ma/Article.aspx?C=5832>
- Darniqah, A. (2009). *Al-Tariqah al-Shadhaliyyah wa A'lamuha*. Beirut: Al-Mua'assah al-Hadithah li al-Kitab.
- Hajjaj, M. (1334 H). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn 'Ajibah, A. M. (1985). *Iqaz al-Himam Fi Sharh al-Hikam*. Cairo: dar al-Ma'arif.
- Ibn Majah, M. Y. (2010). *Sunan Ibn Majah* (Vol. 2). Cairo: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Mahmud, 'a.-H. (2003). *Al-Munqidh Min al-Dalal*. Cairo: Dar al-Ma'rifah.
- Malaysia, U. (2013, Mac 29). *Utusan Malaysia*. Retrieved from Jenayah: Isteri pengasas Al-Arqam ditangkap di Mekah disyaki pimpin ajaran sesat: <http://ww1.utusan.com.my/>
- Sidek, J. (2014, Disember 2). Konsep Tasawuf Yang Muktabar Dalam Akidah. *Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014* (pp. 32-35). Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.